

Nota Penting:

1. Maklumat yang terkandung dalam brosur ini boleh dipinda tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
2. Brosur ini adalah ringkasan daripada terma-terma dan syarat-syarat pelan ini. Brosur ini tidak boleh dianggap sebagai kontrak atau komitmen yang sah.
3. Sila muat turun ilustrasi pemasaran semasa anda memohon sebut harga atas talian sebelum menyertai pelan ini. Ilustrasi pemasaran mengandungi maklumat terperinci berkenaan terma-terma dan syarat-syarat pelan ini. Sila semak ilustrasi pemasaran untuk mendapatkan kepastian bahawa manfaat-manfaat adalah sesuai dengan keperluan anda dan jumlah sumbangan yang perlu dibayar adalah mengikut kemampuan anda.
4. Sekiranya permohonan anda bagi pelan ini diluluskan oleh kami, sijil akan dihantar untuk mengesahkan permulaan pelan. Sila rujuk dan baca kontrak yang sah untuk terma-terma dan syarat-syarat penuh.
5. Sekiranya anda ingin membatalkan pelan ini, bagi apa jua alasan, sila maklumkan kepada kami secara bertulis dalam masa 15 hari dari tarikh pengeluaran sijil dan kami akan membayar balik sumbangan yang telah diterima semasa membuat permohonan pelan ini. Anda tidak akan menerima sebarang nilai serahan jika anda membatalkan pelan ini selepas 15 hari tempoh notis.
6. Sumbangan akan meningkat pada hari pertama tahun sijil yang berikutnya, mengikut umur yang dicapai anda. Sila bayar sumbangan dalam tempoh tangguh selama 31 hari dari tarikh sumbangan tersebut perlu dibayar. Sumbangan yang perlu dibayar adalah tetap sepanjang tempoh pelan mengikut kekerapan pembayaran yang dipilih, seperti yang dinyatakan dalam sijil. Kegagalan membayar sumbangan pada masanya akan menamatkan kelayakan anda untuk menerima manfaat di bawah pelan ini.
7. Jika anda memerlukan maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah *Insuranceinfo* tentang 'Takaful Keluarga'. Salinannya boleh didapati di semua cawangan kami atau kunjungi www.insuranceinfo.com.my.

Etiqua Online 1300 13 8888
www.etiqua.com.my

 www.facebook.com/etiqua

Etiqua Family Takaful Berhad (266243-D)
 (Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan
 Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)
 Dataran Maybank
 No. 1, Jalan Maarof,
 59000 Kuala Lumpur, Malaysia

i-Secure

**Kami akan tetap membuat
anda tersenyum**



Dengan i-Secure, kewangan mereka yang tersayang akan terpelihara apabila anda sudah tiada.

i-Secure adalah takaful keluarga bertempoh yang memberikan bayaran sekaligus kepada penama orang yang dilindungi, sekiranya mengalami kematian, sepanjang tempoh perlindungan.

Bantu lindungi kewangan mereka yang anda tinggalkan, melalui perancangan awal dengan manfaat-manfaat berikut:

Manfaat-manfaat Utama



Kematian & HUMK*

Jumlah yang dilindungi bermula dari RM100,000, sehingga setinggi RM500,000.



Tempoh Perlindungan Yang Luas

Sertai pada bila-bila masa dari umur 21 tahun sehingga 45 tahun, untuk dilindungi dari umur 21 tahun sehingga ke umur 75 tahun.



Mudah Disertai

Hanya jawab beberapa soalan asas untuk melengkapkan penyertaan anda. Tiada pemeriksaan perubatan diperlukan.

*HUMK = Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

Pengecualian Utama:

Untuk memastikan manfaat sentiasa dimiliki, tiada bayaran manfaat akan diberikan atas sebab-sebab berikut:

Sebab	Manfaat Kematian	Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal
Bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari permulaan pelan	X	
Percubaan bunuh diri atau kecederaan yang disengajakan		X
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti jenayah atau melanggar undang-undang, mogok, rusuhan, kecacauan umum atau tindakan keganasan		X
Penglibatan di dalam sebarang aktiviti dan sukan berbahaya, atau penerbangan bukan komersil		X
Pengambilan alkohol atau dadah		X
Kecederaan akibat provokasi keganasan fizikal		X
Penyedutan racun, gas, atau wasap		X

Asas Kontrak:

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru', di mana peserta bersetuju untuk menyumbang atau menderma bahagian yang telah dinyatakan daripada sumbangan mereka ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) bagi tujuan saling menolong dan bantu-membantu sesama peserta di saat-saat yang memerlukan.

Produk ini juga menggunakan konsep Wakalah, di mana Peserta melantik Etiqa Family Takaful Berhad untuk bertindak bagi pihak mereka bagi menguruskan pelan tersebut. Fi Wakalah akan dibayar kepada kami bagi tujuan menanggung kos pengedaran dan pengurusan pelan ini. Fi Wakalah adalah penolakan 30% daripada sumbangan, dan RM50 daripada jumlah sumbangan, setiap tahun bagi setiap sijil.

Sumbangan ditolak Fi Wakalah akan disalurkan ke dalam DRP. Lebihan Pengunderaitan daripada DRP akan diagihkan mengikut polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah kami. 50% daripada sebarang lebihan yang diagihkan akan dikongsi di antara peserta-peserta yang sijilnya masih berkuatkuasa, dan tidak membuat sebarang

tuntutan dalam tahun kewangan tersebut. Manakala baki 50% lagi akan dibayar kepada kami kerana mengendalikan dan menguruskan DRP, berasaskan kontrak Jua'lah. Jua'lah adalah kontrak upah yang menentukan asas pengagihan perkongsian lebihan.

Perkongsian lebihan yang diagihkan kepada peserta adalah terkumpul di dalam dana berasingan. 85% daripada keuntungan pelaburan dana berasingan akan dikongsi di kalangan peserta-peserta di mana sijilnya masih berkuatkuasa, dan baki 15% akan dibayar kepada kami, berasaskan kontrak Mudarabah. Mudarabah adalah kontrak persetujuan bersama di antara kami dan peserta untuk keuntungan atau kerugian pelaburan. Dana berasingan tersebut akan dibayar pada tarikh tamat tempoh sijil, atau jika diminta oleh peserta pada bila-bila masa sebelum tamat tempoh sijil, dengan syarat amaun yang diminta adalah sekurang-kurangnya RM500.